



## Press Statement:

October, 26 2018

### Malaysia is Convinced that ICERD is Ready to be Ratified

Pusat KOMAS welcomes the remarks by the Minister of National Unity and Social Wellbeing, YB Senator Waytha Moorthy, that *“The Government is committed to ratify six treaties including the International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD) in the first quarter of next year”* at the 8<sup>th</sup> National Conference on Non-Discrimination: *Malaysia Closer Towards ICERD Ratification* that concluded this week in Petaling Jaya.

The 8<sup>th</sup> National Conference on Non-Discrimination was organized to encourage the government of Malaysia to expedite the process of the ratification of ICERD, to learn and emulate the best practices from countries in the region that have ratified the ICERD, understand the concerns on the ratification of ICERD in Malaysia and identify solutions and way forward that would expedite the process of the ratification of ICERD in Malaysia. Participants of this year’s vibrant conference included representatives from the Government, Elected State Representatives, the Attorney General’s Chambers (AGC), SUHAKAM, civil society organisations and those from academic backgrounds.

This year’s conference was historic on many fronts in which a Minister has attended and actively engaged with the participants of the conference since it’s inception in 2011. The Commissioner of SUHAKAM, Mr. Jerald Joseph in his opening address stressed that the Pakatan Harapan’s manifesto is in line with Article 1 of the ICERD (*i.e., Pakatan Harapan Government will ensure our nation’s wealth are shared more equitably by the Bumiputera and every citizen regardless of race and religion, including, especially the Indians and the Orang Asal*). Furthermore, the other promises enshrined in the Pakatan Harapan’s manifesto are coherent with the standards and principles of ICERD. He also stressed that the ICERD does not discriminate; but upholds the principles of equality and fairness for all.

This conference has also heard views on the concerns on the ratification of ICERD in Malaysia such as Article 153 and the inconsistencies of the ICERD and the Federal Constitution. One of the speakers, the AGC representative Dr. Salahudin highlighted that there should be an internalization process in the ratification of international instruments – where the instruments must be in context of the domestic law. The AGC’s role is purely advisory and they are looking for a clear direction from the new government on the ratification of ICERD and to oversee the difficulties within the Federal Constitution and existing Laws.

Acknowledging the concerns on the ratification of ICERD in Malaysia, the Minister believed that the international convention could be signed with reservations. Furthermore, he believes that the Government will need to modify several existing legislations and policies



before ratifying the ICERD; but, maintains that dialogues will be held with the main stakeholders to discuss this matter.

Prof. Dr. Ong Puay Liu, Principal Research Fellow with Institute of Ethnic Studies (KITA), National University Malaysia, suggested that Malaysia has indicated that it is ready to commit itself to eliminating all forms of racial discrimination and to promote understanding amongst all races. This is reflected in Malaysia's decision to join the United Nations in 1957 and signed the UN Charter 1945 and Universal Declaration of Human Rights 1948. Furthermore, Malaysia has endorsed the statements of the Conference Against Racism 2001. In addition, Indonesian Professor Harkristuti Harkrisnowo highlighted that, Indonesia, being the 4<sup>th</sup> most populated country in the world, with more than 400 languages and dialects and more than 300 ethnic groups, multiple religious and belief systems, is able to successfully ratify the convention in 1998. The signing and the ratification of ICERD has led to the establishment of several institutions aimed to promote cultural mutual understanding and prevent resurgence of ethnic conflict in Indonesia. This has helped in promoting unity and harmony in Indonesia.

With all this in mind, Pusat KOMAS believes that Malaysia is ready to sign and ratify the ICERD. The signing and ratification of ICERD would set the minimum standard of conduct on the government's part to overcome racism, promote education against racism and create policies to stop hate speech in Malaysia. We call upon the Pakatan Harapan Government to expedite the process of the ratification of ICERD in line with the Pakatan Harapan manifesto and to continue engaging with the stakeholders, including members of civil society in that process. We are fully cognisant of the reality in Malaysia and strongly believe that we can work through the signing and ratification of ICERD with everyone in Malaysia.

Statement Issued by:  
Pusat KOMAS

## **Kenyataan Media:**

**Oktober, 26 2018**

### **Malaysia Yakin bahawa ICERD Sedia untuk Diratifikasi**

Pusat KOMAS menyambut baik kenyataan Menteri Perpaduan Negara dan Kesejahteraan Sosial, YB Senator Waytha Moorthy, bahawa “Kerajaan Malaysia komited untuk meratifikasi enam perjanjian antarabangsa termasuk Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) pada suku pertama tahun hadapan” pada Persidangan Kebangsaan Non-Diskriminasi ke-8: Malaysia Lebih Dekat untuk Meratifikasi ICERD yang berakhir pada minggu ini di Petaling Jaya.

Persidangan Kebangsaan Non-Diskriminasi ke-8 ini dianjurkan untuk menggalakkan kerajaan Malaysia untuk mempercepatkan proses meratifikasikan ICERD, untuk mempelajari amalan-amalan baik dari negara-negara di rantau ini yang telah meratifikasikan ICERD, memahami kebimbangan mengenai proses meratifikasikan ICERD di Malaysia dan mengenal pasti jalan penyelesaian dan langkah-langkah yang dapat mempercepatkan proses meratifikasikan ICERD di Malaysia. Peserta persidangan ini termasuk wakil-wakil kerajaan, wakil rakyat, Jabatan Peguam Negara (AGC), SUHAKAM, organisasi masyarakat sivil serta para akademik.

Persidangan tahun ini adalah bersejarah kerana kehadiran seorang Menteri yang melibatkan diri secara aktif dengan peserta-peserta di dalam persidangan ini. Pesuruhjaya SUHAKAM, Encik Jerald Joseph dalam ucapan tamanya menekankan bahawa manifesto Pakatan Harapan adalah selaras dengan Artikel 1 di ICERD (iaitu, Kerajaan Pakatan Harapan akan memastikan kekayaan negara kita dikongsi dengan lebih adil oleh Bumiputera dan setia warganegara lain tanpa mengira kaum dan agama, termasuk kaum Indian dan Orang Asal). Tambahan pula, janji-janji lain yang termaktub di dalam manifesto Pakatan Harapan adalah selaras dengan prinsip-prinsip yang termaktub di dalam ICERD. Beliau juga menegaskan bahawa ICERD tidak mendiskriminasi orang lain; tetapi di sebaliknya, menegaskan prinsip kesaksamaan dan keadilan untuk semua.

Persidangan ini turut mendengar kebimbangan meratifikasi ICERD di Malaysia seperti Artikel 153 yang tertera di Perlembagaan Malaysia dan perbezaan di antara prinsip-prinsip ICERD dengan Perlembagaan Malaysia. Salah seorang daripada wakil dari Jabatan Peguam Negara (AGC) telah menyatakan bahawa proses meratifikasikan sebarang konvensyen antarabangsa haruslah diantarakan dengan konteks undang-undang negeri. Beliau turut berkata bahawa peranan AGC adalah semata-mata untuk menasihati kerajaan dan mereka sedang menunggu arahan yang jelas daripada kerajaan baru untuk meratifikasi ICERD dan mengawasi kesulitan meratifikasi ICERD dan mengataranya dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang sedia ada.

Menteri Perpaduan Negara dan Kesejahteraan Sosial telah mengakui kebimbangan yang disuarakan untuk meratifikasi ICERD di Malaysia. Beliau menyatakan kepercayaan beliau

bahawa konvensyen antarabangsa ini boleh ditandatangani dengan pengecualian. Tambahan pula, beliau percaya bahawa Kerajaan harus membuat beberapa perubahan dari segi undang-undang dan dasar yang sedia ada sebelum meratifikasi ICERD; tetapi, menekankan bahawa perbincangan akan diadakan dengan pihak-pihak berkepentingan terlebih dahulu untuk membincangkan perkara ini.

Prof. Dr. Ong Puay Liu, Fellow Penyelidik Utama dari Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia telah mencadangkan bahawa Malaysia telah menyatakan pendiriannya untuk menghapuskan segala bentuk diskriminasi kaum dan mempromosikan persefahaman kaum dalam kalangan semua kaum. Ini dapat dilihat dalam keputusan Malaysia untuk menyertai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 1957 dan menandatangani Piagam PBB 1945 dan Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejangat 1948. Tambahan pula, Malaysia telah mengesahkan kenyataan Persidangan Menentang Rasisme 2001. Selain itu, Professor Indonesia, Harkristuti Harkrisnowo telah menyatakan bahawa, Indonesia yang merupakan negara ke-4 yang mempunyai penduduk yang paling ramai di dunia, dengan lebih daripada 400 bahasa dan dialek, lebih daripada 300 kumpulan etnik, pelbagai system agama dan kepercayaan dapat meratifikasikan konvensyen tersebut pada tahun 1998. Penandatanganan dan ratifikasi ICERD di Indonesia telah membantu dalam penubuhan beberapa institusi yang telah membantu menggalakkan persefahaman antara budaya dan kaum dan mencegah kebangkitan konflik etnik di Indonesia. Ini telah membantu mempromosikan dan memperkasakan perpaduan dan keharmonian di Indonesia.

Dengan ini, Pusat KOMAS percaya dan yakin bahawa Malaysia sudah bersedia untuk menandatangani dan meratifikasi ICERD. ICERD dapat membantu menetapkan piawaian kelakuan minima dari pihak kerajaan untuk mengatasi masalah perkauman, menggalakkan pendidikan menentang segala jenis perkauman dan mewujudkan dasar yang dapat menghentikan kebencian di Malaysia. Kami menyeru supaya kerajaan Pakatan Harapan dapat mempercepatkan proses meratifikasikan ICERD yang juga sejajar dengan manifesto Pakatan Harapan dengan melibatkan pihak-pihak yang berkepentingan, termasuk organisasi masyarakat sivil dalam proses meratifikasikan ICERD. Kami ingin menekankan bahawa kami menyedari realiti di Malaysia dan percaya bahawa dengan kerjasama setiap pihak dan masyarakat di Malaysia, kita dapat menandatangani dan meratifikasi ICERD di Malaysia.

Kenyataan dari:  
Pusat KOMAS